

Tindakan menyeluruh banteras judi dalam talian

Langkah serta-merta turut diambil terhadap pemilik sewakan premis

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan bertindak secara lebih menyeluruh bagi membanteras kegiatan perjudian dalam talian, tidak lagi hanya tertumpu kepada sindiket penganjur jenayah berkenaan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata tindakan serta-merta akan turut diambil terhadap pemilik yang menyewakan premis mereka bagi kegiatan berkenaan serta pemilik perniagaan lain yang bersekongkol.

Antara tindakan tegas yang bakal dikenakan adalah mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA) yang membolehkan seseorang itu ditahan tanpa dibicarakan selama dua tahun serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001.

Huzir memaklumkan kepada BH, aktiviti perjudian dalam talian diberi perhatian serius oleh JSJ Bukit Aman selepas operasinya, sama ada berpusat di lokasi tertentu seluruh negara atau melalui telefon bimbit, dikesan kembali aktif.

Katanya, jika sebelum ini serbuan dan operasi polis hanya tertumpu kepada sindiket perjudian, tindakan akan turut diambil selepas ini terhadap semua elemen berkaitan, termasuk mereka yang menyalahgunakan lesen perniagaan.

“Selepas kita sering melakukan serbuan dan menggempur kegiatan perjudian dalam talian secara besar-besaran sejak awal tahun lalu, aktiviti berkenaan dikesan kembali beroperasi di seluruh negara terutama di Selangor.

“Tindakan serta-merta ini adalah melalui kerjasama lebih erat antara JSJ dengan agensi berkaitan seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha menghapuskan elemen perjudian di seluruh negara,” katanya, semalam.

POCA yang digubal pada 1959 dan kemudian melalui beberapa pindaan, diwujudkan atau digunakan untuk menahan, membuang negeri atau memberi perintah larangan lain terhadap seseorang individu tanpa melalui proses perbicaraan mengikut undang-undang prosedur jenayah.



Video yang tular mendedahkan kegiatan mesin judi, penjualan rokok seludup dan aktiviti perniagaan haram warga asing di kawasan Sungai Buloh.

AMLA pula memperuntukkan hukuman penjara antara lima hingga 15 tahun serta denda berdasarkan jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram.

Huzir menjelaskan, tindakan tegas mengikut peruntukan POCA dan AMLA terhadap pemilik yang menyewakan premis kepada sindiket perjudian, harus diambil bagi mematahkan semua elemen yang berkaitan.

“Kali ini, tindakan kita akan dibuat secara menyeluruh, bukan setakat penganjur (sindiket judi), tetapi pihak yang membantu kegiatan ini, termasuk mereka yang menyewakan premis untuk kegiatan perjudian.

“Tindakan lain adalah mengesan dan mencadangkan kepada PBT untuk membatalkan permit perniagaan pemilik kedai, termasuk kedai menjual kad sim telefon yang didapati bersekongkol menjalankan kegiatan judi dalam talian dan judi nombor ekor ha-



Tindakan serta-merta akan turut diambil terhadap pemilik yang menyewakan premis mereka bagi kegiatan berkenaan.

Huzir Mohamed,
Pengarah Jabatan Siasatan
Jenayah Bukit Aman

ram,” katanya.

Beliau berkata, agensi berkaitan seperti TNB akan terbabit dalam memotong terus bekalan elektrik ke premis yang menjalankan aktiviti perjudian.

“Setiap ketua polis daerah diarah untuk mengenalpasti dan mengesan pemilik premis yang membantu sindiket perjudian ini sebelum tindakan selanjutnya diambil. Saya yakin dengan cara mematahkan segala rangkaian yang ada elemen perjudian ini, kegiatan ini boleh dihapuskan secara berperingkat.

“Dalam masa terdekat ini, penekanan penguatkuasaan ini akan dibuat di Selangor kerana berdasarkan risikan, kegiatan judi kembali aktif di negeri berkenaan,” katanya.

Huzir turut meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan terbabit agar terus menyalurkannya kepada polis bagi membolehkan tindakan pantas diambil.